

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah aduan-aduan salah laku terhadap Dato' Seri Ahmad Faizal Azumu, Menteri Belia dan Sukan semasa beliau menyandang jawatan Menteri Besar Perak yang telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan status siasatan terhadap aduan-aduan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menerima sebanyak 4 maklumat berkaitan bekas Menteri Besar Perak. Siasatan terhadap kesemua maklumat tersebut telah pun selesai dijalankan. Hasil siasatan mendapati tohmahan yang dibuat adalah tidak benar dan tiada sebarang elemen rasuah yang dapat dibuktikan.

Sekian, terima kasih.